

111 年新北市各級學校東南亞語文競賽  
團體朗讀文稿 馬來語 國高中組 B

Bercuti Ria Ke Malaysia

Bapa : Kita akan terlihat pelbagai kaum apabila mengunjungi Malaysia.

Saya: Budaya dan adat resamnya mesti menarik!

Emak : Ya, dari pakaian, kita akan mengetahui apa kumpulan etnik mereka.

Saya : Tengok sana! Bangunan yang berbumbung semi bulat itu kelihatan seperti gereja.

Bapa : Itu bukan gereja, itu masjid, tempat ibadah orang muslim.

Abang : Budaya mereka berbeza dengan budaya kita.

Kakak : Ingat! Gunakan tangan kanan untuk bersalaman dan menerima pemberian dari mereka. Itu amalan sopan.

Bapa : Tahukah kamu terdapat beberapa perayaan disambut secara besar-besaran di Malaysia? Semua ahli keluarga akan pulang ke rumah.

Abang : Saya tahu. Orang Cina menyambut Tahun Baru Cina, orang Melayu menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Emak : Orang India pula menyambut Deepavali.

Saya : Wah, cukup banyak cuti mereka, tentu saja bergembira!

Emak : Selain daripada itu, mereka juga menganjurkan majlis rumah terbuka untuk menjamu saudara-mara dan sahabat-handai.

Kakak : Saya paling suka menerima wang angpao. Adakah orang Melayu dan orang India memberi angpao?

Bapa : Tentu saja! Pada Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali duit diisi dalam sampul bercorak kreatif.

Abang : Orang Cina suka angpao merah. Orang Melayu suka angpao hijau, manakala orang India suka angpao ungu.